



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MEXUNITY BINCANG STRATEGI PENYATUPADUAN RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Oktober 2025 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara bersama Exco- Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang kedua bagi tahun 2025. Platform ini menjadi pemangkin kepada usaha penyatupaduan rakyat di semua peringkat kebangsaan mahupun negeri ke arah memperkukuh keharmonian dan perpaduan negara.

i) Inisiatif Arkib Komuniti

Dalam mesyuarat ini, telah dibincangkan usaha memperluas pelaksanaan Arkib Komuniti di peringkat negeri berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu komuniti (kaum, etnik dan masyarakat marginal), peristiwa penting dan bersejarah, identiti seperti salasilah keturunan atau genealogi keluarga, pengalaman individu, serta warisan budaya.

Program Arkib Komuniti ini akan diperluaskan oleh Arkib Negara Malaysia kepada komuniti di seluruh negara mulai tahun 2026. Antara komuniti dan lokasi yang telah dikenal pasti termasuk Komuniti Wayang Kulit Seri Asun, Komuniti Makanan Tradisi, Komuniti Boria, Komuniti Waris Pawang Diraja Selangor, Komuniti Dondang Sayang, Komuniti Peranakan Cina dan Komuniti Kota Lama.

Mesyuarat turut bersetuju untuk menetapkan satu tarikh rasmi sebagai **Sambutan Hari Arkib Komuniti di peringkat nasional yang akan diraikan oleh komuniti di seluruh Malaysia setiap tahun.** Sambutan ini dijangka menjadi platform untuk memperkukuh semangat kerjasama, memupuk kecintaan terhadap sejarah serta menyumbang ke arah pembinaan identiti nasional yang lebih utuh dan bersepadu.

ii) Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) MADANI

Melalui pelaksanaan program ini, kerajaan menyasarkan agar nilai kebersamaan dan keharmonian dapat diperkukuh sejak di peringkat awal pendidikan sehingga ke peringkat komuniti.

Mesyuarat telah bersetuju untuk memperluaskan pelaksanaan GRIP yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat, termasuk murid prasekolah daripada Tabika Perpaduan, prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, PASTI dan institusi swasta; murid sekolah rendah dan menengah; pelajar institusi pengajian tinggi, pelajar institusi kemahiran serta belia yang bekerja; dan komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik dan penganut agama di seluruh negara.

Bertunjangkan semangat kenegaraan dan berasaskan prinsip asas hubungan integrasi, program ini diharap dapat memperkukuh kelestarian integrasi sosial serta memperkasa identiti nasional dalam kalangan generasi muda dan masyarakat umum.

YB Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menegaskan bahawa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting. Walaupun terdapat perbezaan ideologi politik, kita harus bersatu dalam soal perpaduan negara, kerana inilah asas kepada pembinaan negara bangsa yang kukuh dan berdaya tahan.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Oktober 2025

KPN.100-9/1/16 (87)